



SABAH, MALAYSIA

Warta Kerajaan

Diterbitkan dengan kuasa

Jil. LXXV]

KOTA KINABALU, JUMAAT, 2 OKTOBER 2020

[No. 41

Kenyataan-kenyataan berikut adalah diterbitkan atas perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk Makluman Umum.

DATUK HAJI SAFAR BIN UNTONG,
Setiausaha Kerajaan Negeri.

No. 301

[No. DUNS: (S)600-8/1 (100)

DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH YANG KEENAM BELAS

PENGGAL PERTAMA


PERISYTIHARAN

BAHAWASANYA Fasal (1) Artikel 21 Perlembagaan Negeri Sabah memperuntukkan bahawa Yang di-Pertua Negeri Sabah boleh dari semasa ke semasa memanggil Dewan Undangan Negeri bersidang.

DAN BAHAWASANYA di bawah Peraturan Tetap 6 Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Sabah dalam keadaan-keadaan kecemasan Yang di-Pertua Negeri Sabah boleh menetapkan keperluan untuk mengeluarkan Pemberitahu dua puluh satu (21) hari genap.

OLEH HAL YANG DEMIKIAN, maka saya, TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN, Seri Maharaja Mangku Negara, Seri Panglima Darjah Kinabalu, Panglima Gemilang Darjah Kinabalu, Panglima Jasa Negara, Ahli Setia Darjah Kinabalu, Jaksa Pendamai, Hon. Ph.D (UoW) United Kingdom, Yang di-Pertua Negeri Sabah adalah dengan ini memanggil Dewan Undangan Negeri Sabah supaya bersidang dan MENETAPKAN 9 OKTOBER 2020 pada pukul dua petang sebagai tarikh dan masa bagi mengadakan PERSIDANGAN KHAS dalam Penggal PERTAMA Dewan Undangan Negeri Sabah Yang KEENAM BELAS bertempat di Dewan Mesyuarat, Aras 4, Bangunan Dewan Undangan Negeri Sabah.

DIKELUARKAN dengan tandatangan saya dan Mohor Kerajaan Negeri Sabah pada hari ini 2 haribulan Oktober 2020.



TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN,

Yang di-Pertua Negeri Sabah.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI HAJI NOOR,

Ketua Menteri Sabah.

